



SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN  
ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN  
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2  
62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA  
Tel: 03-8888 1904 / No. Faks: 03-8888 6526



LAMAN WEB: [www.eaic.gov.my](http://www.eaic.gov.my)

PENGARANG, MEJA BERITA

UNTUK SIARAN SEGERA

## KENYATAAN MEDIA

### **DAPATAN SIASATAN EAIC KE ATAS KEMATIAN N. DHARMENDRAN SEMASA DALAM TAHANAN POLIS**

Putrajaya 28 April 2016 - Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan atau *Enforcement Agency Integrity Commission* (EAIC), selaras dengan kehendak seksyen 30 (5) Akta Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan 2009 [Akta 700], dengan ini mengumumkan keputusan pendengaran awamnya ke atas kematian Dharmendran a/l Narayanasamy (N. Dharmendran, si mati) semasa dalam tahanan polis di Lokap Jabatan Siasatan Jenayah, Bahagian Siasatan Khas (D9) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur pada 21 Mei 2013.

Lima (5) sesi pendengaran awam telah dijalankan, di mana sesi pertama hingga ketiga telah diadakan di Menara TH Perdana, Kuala Lumpur pada 27-31 Julai 2015 (pertama), 17-21 Ogos 2015 (kedua), 14-18 September 2015 (ketiga), manakala sesi keempat dan kelima telah diadakan di Bangunan Menara Usahawan, Putrajaya pada 26-29 Oktober 2015 dan 16 November 2015.

Pendengaran awam tersebut telah dipengerusikan secara bersama oleh YA Datuk Yaacob bin Haji Md. Sam (Pengerusi EAIC) dan tiga Pesuruhjaya EAIC iaitu Dato' Sri Robert Jacob Ridu, Encik Vinayak Prabhakar Pradhan dan Puan Leong May Chan dibantu oleh tiga perunding (*consultant*) iaitu Tan Sri Dato' Seri Mohd Jamil bin Johari (Mantan Timbalan Ketua Polis Negara), Profesor Tan Sri Dato' Seri Dr. Sharifah Hapsah binti Syed Hasan Shahabudin (Mantan Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia) dan Encik Lim Chee Wee (Mantan Presiden Majlis Peguam Malaysia). Sesi pendengaran awam turut dihadiri oleh peguam pemerhati iaitu daripada Majlis Peguam Malaysia, peguam yang mewakili keluarga si mati serta wakil daripada PDRM. Sesi pendengaran awam turut dibuka kepada wakil media dan orang awam.



Suruhanjaya ingin menekankan bahawa tujuan pendengaran awam adalah tertakluk kepada terma rujukan yang ditetapkan oleh pihak Suruhanjaya melalui Pasukan Petugas yang ditubuhkan di bawah seksyen 17 Akta 700.

Suruhanjaya ingin merakamkan penghargaan kepada semua saksi dan pemerhati atas kerjasama dan bantuan semasa sesi pendengaran serta pihak media (cetak dan elektronik) atas liputan berita berkaitan pendengaran tersebut.

Seramai 62 orang saksi telah dipanggil memberi keterangan di sesi pendengaran. 72 eksibit termasuk laporan bedah siasat, gambar-gambar dan dokumen-dokumen berkaitan Lokap D9 IPK Kuala Lumpur, Buku Perharian Balai Lokap D9 [Polis 40 (Pin 4/890)], arahan-arahan tetap serta lain-lain dokumen yang relevan telah dikemukakan bagi tujuan pendengaran awam tersebut.

Bagi tujuan siasatan kes, Pasukan Petugas telah mengadakan dua lawatan ke Lokap D9 dan Pejabat D9 (Bahagian Siasatan Jenayah Khas) IPK Kuala Lumpur.

## **HASIL DAPATAN SIASATAN EAIC**

Hasil dapatan Suruhanjaya adalah berdasarkan keterangan oleh saksi-saksi dan bukti-bukti yang telah diperolehi semasa sesi pendengaran awam tersebut. Sehubungan ini Suruhanjaya telah menyediakan laporan penuh hasil siasatan dan dapatannya.

Dapatan oleh Suruhanjaya adalah seperti berikut:

### **1. KEMATIAN SI MATI ADALAH AKIBAT DARIPADA PENGGUNAAN KEKERASAN FIZIKAL OLEH PIHAK POLIS**

- (i) Suruhanjaya mendapati kematian Dharmendran a/l Narayanasamy (No. K/P: 811028-14-5551) pada 21 Mei 2013 adalah akibat daripada penggunaan kekerasan fizikal oleh pihak polis.
- (ii) Keterangan oleh Pakar Forensik Jabatan Perubatan Forensik, Hospital Kuala Lumpur (HKL) yang menjalankan bedah siasat ke atas mayat si mati pada 22 Mei 2013 mendapati kematian si mati adalah disebabkan



“diffuse soft tissue injuries due to multiple blunt force trauma”. Keterangan oleh Pakar Forensik dan hasil laporan bedah siasat (*post mortem*) telah mengesahkan si mati mengalami kecederaan seperti berikut:

- (a) Terdapat 52 kecederaan dalam bentuk kesan-kesan lebam pada tubuh badan si mati diakibatkan oleh hentakan objek atau benda tumpul (*blunt force trauma*) yang mengakibatkan *acute massive loss of blood into the tissues causing hypovolemic shock*.
  - (b) Kecederaan dianggarkan berusia antara 2 hari hingga 3 hari sebelum tarikh bedah siasat, tetapi tidak melebihi daripada 4 hari.
  - (c) Terdapat dua dawai kokot (*bullet stapler*) tertanam di telinga si mati, iaitu satu di telinga kanan dan satu di telinga kiri yang meninggalkan kesan berlubang (*puncture wound*). Pakar Forensik mengesahkan dawai kokot ini diketip di telinga si mati semasa si mati masih hidup yang dianggarkan tidak lebih daripada dua hingga tiga hari sebelum tarikh bedah siasat.
- (iii) Suruhanjaya mendapati kekerasan fizikal yang telah mengakibatkan kecederaan dan kematian si mati semasa dalam tahanan polis serta semasa proses soal siasat telah melanggar Perenggan 33 Perintah Tetap Ketua Polis Negara (PTKPN) Bahagian A '118' yang melarang apa-apa penggunaan kekerasan ke atas orang tahanan semasa soal siasat.

## 2. CATATAN ENTRI DI BUKU PERHARIAN BALAI LOKAP D9 ADALAH PALSU / SALAHNYATAAN

- (i) Suruhanjaya mendapati enam (6) catatan terakhir di Buku Perharian Balai, Lokap D9 IPK Kuala Lumpur iaitu entri 3150, 3151, 3152, 3153, 3154 dan 3155 yang ditulis oleh dua anggota sentri lokap iaitu saksi SP24 dan SP25 adalah kandungan pernyataan yang palsu/salahnyata.



- (ii) Suruhanjaya juga mendapati entri yang dimasukkan berikutnya 3156, 3157, 3158, 3159, 3160 dan 3161 oleh SP25 adalah juga entri yang dimasukkan bukan secara lazim iaitu secara segera semasa bertugas oleh anggota sentri lokap (SP25) tetapi dimasukkan dalam Buku Perharian Balai Lokap D9 (Eksibit P32) dua atau tiga hari selepas tarikh kematian.
- (iii) Suruhanjaya mendapati catatan-catatan entri 3150 hingga 3153 secara bersama telah direka palsu (*fabricating*) oleh pegawai-pegawai kanan PDRM iaitu Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Risikan dan Operasi IPK Kuala Lumpur (SP60), Pegawai Turus D9 IPK Kuala Lumpur (SP27), Timbalan Pegawai Turus D9 IPK Kuala Lumpur (SP39) dan Pegawai D9 IPK Kuala Lumpur (SP44) (ketika itu) secara memberi arahan kepada kedua-dua anggota sentri lokap iaitu SP24 dan SP25 untuk menulis catatan-catatan ini ke Buku Perharian Balai (Eksibit P32) pada malam 21 Mei 2013.
- (iv) Suruhanjaya mendapati catatan-catatan entri 3154 hingga 3161 telah direka secara bersama oleh pegawai-pegawai kanan PDRM iaitu Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Risikan dan Operasi IPK Kuala Lumpur (SP60), Timbalan Pegawai Turus D9 IPK Kuala Lumpur (SP39) dan Pegawai D9 IPK Kuala Lumpur (SP44) dan anggota-anggota D9 iaitu SP41, SP42 dan SP43 secara memberi arahan kepada anggota sentri lokap iaitu SP25 untuk menulis catatan-catatan tersebut di Buku Perharian Balai (Eksibit P32) pada dua atau tiga hari selepas tarikh kejadian kematian.
- (v) Suruhanjaya mendapati terdapat perlakuan salah laku yang serius melibatkan pegawai-pegawai kanan PDRM untuk melindungi (*cover-up*) fakta sebenar keadaan kematian si mati dengan mereka-reka maklumat yang diketahui sebagai tidak benar atau palsu yang boleh menghalang suatu siasatan kes yang adil dan saksama dari dapat dilakukan berkaitan kematian si mati.



(vi) Suruhanjaya juga mendapati dengan perlakuan memberikan maklumat palsu / salahnyata atau tidak benar oleh SP60, SP39, SP27 dan SP44 adalah merupakan kesalahan jenayah seperti yang diperuntukkan oleh seksyen 192, 201 dan/atau seksyen 203 Kanun Keseksaan.

### **3. PENGUBAHAN (*TAMPERING*) KE ATAS CATATAN MASA DI BUKU PERHARIAN BALAI LOKAP D9 (EKSIBIT P32)**

- (i) Suruhanjaya mendapati terdapat dua catatan masa dalam Buku Perharian Balai Lokap D9 (Eksibit P32) pada entri 3149 dan 3150 yang telah diubah masa daripada catatan asalnya oleh anggota sentri Lokap D9 iaitu SP24 atas SP60, SP39, SP41, SP42 dan SP43 bertujuan untuk menyelaraskan dengan laporan tangkapan semula ke atas si mati (Eksibit P50).
- (ii) Suruhanjaya mendapati perlakuan perubahan masa terhadap Buku Perharian Balai Lokap D9 oleh SP60, SP39, SP41, SP42 dan SP43 merupakan satu kesalahan di bawah seksyen 177 atau seksyen 182 Kanun Keseksaan.

### **4. KANDUNGAN LAPORAN POLIS MENGENAI KEMATIAN SI MATI ADALAH PALSU**

- (i) Suruhanjaya mendapati laporan polis kematian si mati yang dibuat oleh anggota sentri lokap D9 (SP25) atas arahan Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Risikan dan Operasi IPK Kuala Lumpur (SP60) dan ditaip oleh Sarjan Mejar Ali (anggota D9) mengandungi maklumat yang palsu / salahnyata tentang keadaan sebenar kematian si mati.
- (ii) Membuat laporan polis palsu merupakan satu kesalahan di bawah seksyen 177 atau seksyen 182 Kanun Keseksaan.



## **5. PENYALAHGUNAAN KUASA BERHUBUNG TANGKAPAN SEMULA SI MATI PADA 21 MEI 2013 (HARI TERAKHIR REMAN)**

- (i) Suruhanjaya mendapati tangkapan semula si mati oleh anggota D9 iaitu SP41 dan SP43 pada jam 1.00 petang 21 Mei 2013 telah dilakukan atas arahan Pegawai Turus D9 (SP27) dan Pegawai D9 (SP44) dengan merujuk kepada satu laporan polis Petaling/001384/13 (Eksibit P71) yang telah diambil secara rambang daripada sistem komputer PDRM dalam mana laporan Petaling/001384/13 dan tiada kaitan dengan si mati, di mana kertas siasatan berkaitan laporan polis tersebut telah diarahkan ditutup (*NFA*) oleh Timbalan Pendakwa Raya pada 17 Mei 2013.
- (ii) Suruhanjaya mendapati Pegawai Turus D9 (SP27) dan Pegawai D9 (SP44) telah melakukan salah laku yang serius iaitu menyalahguna kuasa dengan mengarahkan si mati (yang sepatutnya dibebaskan pada hari tersebut sebaik tempoh reman tamat) ditangkap semula tanpa justikasi yang sah pada 21 Mei 2013.

## **6. SISTEM KAMERA LITAR TERTUTUP (CCTV) DI LOKAP D9 TIDAK BERFUNGSI SEJAK TAHUN 2009**

- (i) Suruhanjaya mendapati CCTV di Lokap D9 dan Pejabat D9 tidak berfungsi sejak tahun 2009 semasa kerja-kerja pembinaan dan pengubahsuaian bangunan baru IPK Kuala Lumpur. CCTV kekal tidak berfungsi walaupun selepas kerja-kerja pembinaan selesai. CCTV hanya berfungsi semula selepas kejadian kematian si mati.
- (ii) Dengan ketiadaan CCTV yang berfungsi, pergerakan keluar masuk tahanan dan anggota D9 dan Pejabat D9 telah tidak dipantau dan tidak dirakam. Sehubungan ini ketiadaan rakaman CCTV pada hari kejadian telah menafikan peluang untuk mendapatkan keterangan terbaik (*best evidence*) tentang bagaimana si mati dibawa masuk semula ke dalam lokap dengan ketiadaan anggota sentri lokap (SP24 dan SP25) di Lokap



D9 selepas beliau dibawa keluar pada jam 2.20 petang di hari kejadian 21 Mei 2013.

(iii) Suruhanjaya mendapati tiada usaha yang bersungguh oleh Pegawai Turus D9 (SP27) dan Unit Logistik IPK Kuala Lumpur untuk memastikan Lokap D9 dipantau oleh CCTV yang berfungsi dengan baik walaupun mengetahui CCTV tersebut tidak berfungsi.

## **7. PELANGGARAN / PEMECAHAN KAEDAH-KAEDAH LOKAP 1953 DAN HUKUMAN TETAP KETUA POLIS DAERAH CAMPBELL KUALA LUMPUR**

(i) Suruhanjaya mendapati si mati telah dibawa masuk ke dalam Lokap D9 oleh anggota D9 tanpa melalui kedua-dua anggota sentri lokap (SP24 dan SP25). Oleh itu kemasukan semula si mati ke dalam lokap telah tidak didaftarkan atau dicatatkan dalam Buku Perharian Balai (Eksibit P32).

(ii) Suruhanjaya mendapati kegagalan kedua-dua sentri Lokap D9 (SP24 dan SP 25) untuk berada di lokap antara jam 2.30 petang hingga jam 4.30 petang pada 21 Mei 2013 telah membolehkan anggota D9 membawa masuk semula si mati ke dalam lokap tanpa mematuhi prosedur/tatacara yang dikehendaki dipatuhi dalam kemasukan orang tahanan ke lokap.

(iii) Perlakuan membawa masuk orang tahanan ke dalam lokap tanpa didaftarkan atau meninggalkan lokap tanpa jagaan adalah satu pelanggaran serius ke atas Kaedah-Kaedah Lokap 1953; Hukuman Tetap Ketua Polis Daerah Campbell Kuala Lumpur Bil. 1/89 – Tugas Pengawal Lokap IPK, Kuala Lumpur; dan PTKPN Bahagian A '118'.

## **8. HUBUNGKAIT ANGGOTA DAN PEGAWAI D9 DENGAN KECEDERAAN DAN KEMATIAN SI MATI**

Suruhanjaya mendapati anggota dan pegawai D9 yang merupakan ahli Pasukan Projek (*Project Team*) iaitu SP41, SP42, SP43 dan SP44 yang diberi tanggungjawab bagi siasatan berkaitan kes tangkapan ke atas si mati



mempunyai kaitan rapat dengan perlakuan kekerasan dan kematian si mati. Ini berdasarkan keterangan dan dokumen yang melihatkan sepanjang tempoh reman si mati di Lokap D9 daripada 13 Mei 2013 hingga masa kematiannya pada 21 Mei 2013, si mati berada di bawah jagaan Pasukan Projek tersebut. Keterangan juga melihatkan hanya Pasukan Projek D9 yang mempunyai akses ke atas si mati sepanjang tempoh tersebut.

**9. KETIADAAN SIASATAN / SOAL SIASAT KE ATAS SI MATI OLEH PASUKAN PROJEK D9 DARIPADA 13 MEI 2013 HINGGA 19 MEI 2013**

- (i) Suruhanjaya mendapati tiada siasatan / soal siasat oleh Pasukan Projek D9 ke atas si mati sejak tarikh beliau dimasukkan ke Lokap D9 sehingga sehingga pada tengah hari 19 Mei 2013. Tiada penjelasan oleh Pasukan Projek mengapa siasatan / soal siasat tidak dijalankan dalam tempoh tersebut.
- (ii) Suruhanjaya membuat pemerhatian, dengan tempoh reman yang tinggal telah menjadi singkat, di dalam kes ini reman si mati tinggal dua hari sebelum tamat tempoh, keadaan ini meletakkan Pasukan Projek dalam keadaan terdesak untuk mendapatkan maklumat daripada si mati dan berakhir dengan penggunaan kekerasan terhadap si mati.
- (iii) Dengan tiadanya penjelasan diberikan oleh anggota D9 dan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah PDRM Bukit Aman, persoalan sama ada tiada keutamaan diberikan kepada siasatan / soal siasat kes berkenaan atau Pasukan Projek mempunyai beban tugas yang terlalu berat tidak dapat dipastikan.
- (iv) Suruhanjaya telah mengeluarkan sapina ke atas Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah PDRM Bukit Aman bagi mendapatkan penjelasan tentang beban tugas yang dihadapi oleh Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), namun beliau gagal untuk hadir memberi keterangan semasa





sesi pendengaran awam dalam mana dua sesi telah diperuntukkan bagi tujuan tersebut.

#### **10. KELEWATAN MEMBERI AKSES KEPADA KELUARGA MATI TERHADAP SI MATI SEMASA DALAM TEMPOH TAHANAN**

- (i) Suruhanjaya mendapati kelewatan akses ke atas si mati diberikan ke atas anggota keluarga si mati (SP2 dan SP16) pada 19 Mei 2013, iaitu lapan hari selepas si mati ditahan reman sejak 12 Mei 2013 hingga 15 May 2013 (reman pertama) dan dilanjutkan daripada 16 Mei 2013 hingga 21 Mei 2013 (reman kedua).
- (ii) Kedua-dua pegawai D9, iaitu Pegawai Turus D9 (SP27) sebagai Timbalan Pegawai Penjaga Lokap dan Ketua Pasukan Projek (SP44) tidak mempunyai justifikasi yang kukuh untuk tidak memberikan akses dengan lebih awal kepada ahli keluarga si mati untuk berhubung, khususnya isteri si mati (SP2).
- (iii) Kelewatan memberikan akses dengan sewajarnya kepada ahli keluarga dan tahanan untuk berhubung merupakan satu pelanggaran kepada peruntukan seksyen 28A(2) Kanun Tatacara Jenayah dan para 8.2.1 PTKPN Bahagian A '118'.

#### **11. ORANG TAHANAN BERLEBIHAN DI LOKAP D9**

- (i) Suruhanjaya mendapati tidak kurang daripada 4 orang tahanan ditempatkan di Lokap D9 sejak tarikh 13 Mei 2013 sehingga 20 Mei 2013. Secara khususnya, pada 14 Mei 2013 terdapat 16 orang tahanan telah ditempatkan dalam Lokap D9 IPK Kuala Lumpur berdasarkan rekod Buku Perharian Balai D9 (Eksibit P31/P32).
- (ii) Menempatkan orang tahanan melebihi daripada 4 orang pada satu-satu masa di Lokap D9 telah melanggar Perkara 2, Hukuman Tetap Ketua Polis Daerah Campbell, Kuala Lumpur Bil. 1/89 dan juga Warta



Lokap D9 yang jelas menetapkan maksima orang tahanan yang boleh ditahan di Lokap D9 adalah hanya empat (4) orang.

- (iii) Walaubagaimanapun pada hari kejadian 21 Mei 2013, hanya si mati sahaja yang masih ditahan di Lokap D9.

## **12. PEGAWAI DAN ANGGOTA D9 TIDAK MENGETAHUI SOP**

- (i) Berdasarkan keterangan oleh anggota D9 semasa sesi pendengaran, beberapa pegawai dan anggota D9 telah mengakui bahawa mereka tidak pernah melihat atau tidak mengetahui tentang kandungan PTKPN Bahagian A '118' serta Perintah Tetap Ketua Polis Daerah Campbell berhubung pentadbiran dan pengurusan Lokap D9 yang masih berkuatkuasa sehingga kini.
- (ii) Oleh yang demikian pengendalian orang tahanan adalah berasaskan kepada amalan tersendiri di D9 dengan mengabaikan peraturan dan SOP yang sedia ada.

## **13. KETIADAAN SAMPLING DARAH UNTUK ANALISA DNA**

- (i) Suruhanjaya mendapati walaupun dua stapler (Eksibit P54 gambar no. 8 dan 9) Pejabat D9 telah dirampas oleh pegawai penyiasat (SP53 dan SP54) (susulan dengan penemuan dua dawai kokot di telinga kanan dan kiri si mati), tiada pengambilan sampel darah diambil bagi tujuan analisa DNA dan perbandingan daripada mana-mana anggota atau pegawai yang mempunyai akses ke atas si mati.
- (ii) Ketiadaan sampel darah ini telah mengakibatkan perbandingan DNA tidak dapat dilakukan untuk mengenalpasti identiti "*Male 1*" yang terdapat pada salah satu stapler ("K5(a)") yang telah dianalisa oleh Jabatan Kimia Malaysia sama ada identiti "*Male 1*" ini milik mana-mana anggota D9 yang mempunyai akses ke atas si mati.



## **SYOR-SYOR EAIC**

Berdasarkan kepada dapatan-dapatan yang dinyatakan di atas, Suruhanjaya mengesyorkan yang berikut:

### **1. TINDAKAN TATATERTIB HENDAKLAH DIAMBIL OLEH PIHAK BERKUASA TATATERTIB PDRM TERHADAP:**

- (i) Pegawai-pegawai kanan PDRM iaitu Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Risiko dan Operasi IPK Kuala Lumpur (SP60), Pegawai Turus D9 (SP27), Timbalan Pegawai Turus D9 (SP39) dan Pegawai D9 IPK Kuala Lumpur (SP44) kerana kesalahan pakatan bersama dalam mereka-reka maklumat palsu/salahnyataan dalam entri-entri di Eksibit P32 berkaitan keadaan kematian si mati.
- (ii) Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Risiko dan Operasi IPK Kuala Lumpur (SP60) dan dua anggota D9 IPK Kuala Lumpur (SP41 dan SP43) kerana mengarahkan anggota sentri lokap (SP24) supaya mengubah/mengganggu (*tampering*) catatan masa di entri 3149 dan 3150 di Buku Perharian Balai Lokap D9 (Eksibit P32).
- (iii) Timbalan Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Risiko dan Operasi IPK Kuala Lumpur (SP60) dan Sarjan Mejar Ali (anggota D9) kerana membuat laporan palsu (Eksibit P38) dengan menggunakan SP25 sebagai pengadu di dalam laporan tersebut.
- (iv) Pegawai Turus D9 (SP27) dan Ketua Pasukan Projek (SP44) kerana telah menyalahguna kuasa atau kedudukan apabila mengarahkan tangkapan semula ke atas si mati pada 21 Mei 2013 tanpa justikasi yang sah (Eksibit P50).
- (v) Pegawai Turus D9 (SP27) dan Ketua Pasukan Projek (SP44) kerana kelewatan memberikan akses berhubung kepada si mati dan ahli keluarga si



mati tanpa apa-apa justifikasi dan ianya telah melanggar peruntukan seksyen 28A Kanun Tatacara Jenayah.

(vi) Pegawai Turus D9 (SP27) dan Ketua Pasukan Projek (SP44) kerana gagal menyelia perlakuan anggota-anggota Pasukan Projek (SP41, SP42 dan SP43) dan menjalankan siasatan / soal siasat yang segera ke atas si mati yang hanya dijalankan pada hari ketujuh (19 Mei 2013) setelah direman.

(vii) Anggota Sentri Lokap D9 (SP24) kerana meninggalkan lokap dari jam 2.30 petang hingga 3.00 petang pada 21 Mei 2013.

(viii) Anggota Sentri Lokap D9 (SP25) kerana kegagalan berada di Lokap D9 dari jam 3.00 petang hingga jam 4.30 petang pada 21 Mei 2013.

## **2. PEMATUHAN / PENAMBAHBAIKAN TATACARA PENGURUSAN (SOP) DAN PERINTAH TETAP**

PDRM hendaklah menambahbaik mekanisma yang sedia ada berkaitan dengan tugas-tugas penyeliaan dan pemantauan iaitu:

### **(i) Pematuhan PTKPN / SOP**

PDRM haruslah memastikan setiap anggota dan pegawainya memahami dan mematuhi dengan ketat Hukuman Tetap/Perintah Tetap Ketua Polis Negara termasuk PTKPN Bahagian A "118" serta SOP yang berkaitan.

### **(ii) Pematuhan SOP Pengurusan Lokap**

PDRM haruslah mewajibkan setiap pegawai penyelia lokap, anggota sentri lokap, pegawai dan anggotanya yang mempunyai akses ke atas orang tahanan mematuhi SOP Pengurusan Lokap atau Perintah Tetap yang dikeluarkan oleh Bukit Aman pada 21 April 2014 dan juga Kaedah-Kaedah Lokap 1953 termasuk mematuhi had bilangan tahanan yang boleh



ditempatkan di dalam sel atau lokap dan larangan menggunakan kekerasan terhadap tahanan.

### **(iii) Penyeliaan / Pemantauan Buku Saku (*Pocket Book*) yang Efektif**

PDRM disyorkan menjalankan penyeliaan / pemantauan yang efektif terhadap *pocket book* dalam memastikan setiap anggota dan pegawai mengemaskini catatan buku saku serta penyimpanan selamat buku tersebut. Sebarang kehilangan atau kerosakan ke atas buku tersebut perlulah dilaporkan serta merta kepada pegawai penyelia.

### **3. REFRESHER COURSE**

PDRM disyorkan menjalankan latihan-latihan “*refresher course*” atau “*refresher training*” secara berterusan termasuk latihan semasa dalam jawatan (*on job training*) serta sentiasa memberi peringatan kepada semua anggota polis yang terlibat dalam aktiviti berkaitan penguatkuasaan undang-undang tentang pematuhan SOP dan Perintah Tetap.

### **4. MEKANISMA ADUAN / PEMBERIAN MAKLUMAT**

PDRM disyorkan menambahbaik tatacara yang sedia atau mekanisma untuk membolehkan anggotanya membuat aduan atau melaporkan arahan/perintah oleh pegawai atasan yang bertentangan dengan SOP / Perintah Tetap atau undang-undang. Siasatan ke atas laporan ini haruslah dijalankan oleh satu jawatankuasa bebas di kalangan PDRM.

### **5. SIASATAN KES KEMATIAN DALAM TAHANAN**

Disyorkan siasatan kes-kes kematian orang tahanan semasa di dalam tahanan hendaklah dilakukan oleh pegawai penyiasat yang bebas dan berpengalaman, dan bukannya oleh pegawai dari Kontinjen Polis Negeri yang sama di mana kematian berlaku. Ini adalah bagi memelihara ketelusan dan kredibiliti siasatan.



## **6. PEMATUHAN KAEDAH PENJARA 1953 DAN PERINTAH TETAP KETUA POLIS NEGARA (PTKPN)**

Disyorkan pematuhan terhadap Kaedah 10 dalam Kaedah-Kaedah Penjara 1953 dan Para 24 PTKPN Bahagian A '118' yang menghendaki tahanan diberikan pemeriksaan perubatan oleh pegawai perubatan sebaik ia ditahan ke lokap.

## **7. PERANAN OLEH KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)**

KKM hendaklah menyemak dan menambahbaik mekanisma sedia ada yang berkaitan dengan:

### **(i) Penyelarasan antara KKM dengan Agensi-Ageni Penguatkuasaan Khususnya PDRM**

Disyorkan supaya pihak KKM membuat penyelarasan bersama agensi-agensi penguatkuasaan khususnya pihak PDRM bagi membolehkan Kaedah 10 dan para 24 PTKPN Bahagian A '118' serta SOP Pengurusan Lokap PDRM yang mengkehendaki tahanan diberikan pemeriksaan perubatan oleh pegawai perubatan sebaik ia ditahan ke lokap. Pelaksanaan ini haruslah mengambil kira keselamatan semua pihak termasuk petugas perubatan.

### **(ii) Tatacara / Kaedah Pemeriksaan KKM**

Disyorkan supaya pihak KKM menyediakan garis panduan dan prosedur yang komprehensif termasuk kaedah pemeriksaan yang melibatkan kematian dalam tahanan kepada pegawai / pembantu / anggota perubatan dengan memberi penekanan terhadap kaedah pemeriksaan mayat, rakaman gambar yang sempurna, kelengkapan alatan pemeriksaan mayat dan kawalan bahan bukti yang baik di tempat kejadian (tidak dicemari atau diganggu).

### **(iii) Garis Panduan Penyediaan Laporan Bedah Siasat**

Disyorkan supaya pihak KKM menggubal satu garis panduan penyediaan laporan bedah siasat dengan mengambil kira standard piawai antarabangsa oleh pakar patalogi khususnya ke atas dapatan punca kematian yang perlu dinyatakan dengan tepat.



## 8. TATACARA / GARIS PANDUAN BAGI MAJISTRET/KORONER

Disyorkan Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan menggubal satu tatacara pemeriksaan yang lebih komprehensif untuk menjadi panduan kepada Majistret/Koroner yang hadir memeriksa mayat si mati berkaitan kematian dalam tahanan.

## 9. PERTIMBANGAN PERTUDUHAN JENAYAH

Suruhanjaya mengesyorkan pihak AGC menimbangkan pertuduhan jenayah dibawa ke atas pegawai-pegawai dan anggota-anggota polis yang dikenalpasti dalam laporan ini kerana kesalahan mereka-reka entri palsu/salahnyataan dan mengubah/gangguan (*tampering*) entri dalam Buku Perharian Lokap D9 (Eksibit P32).

## 10. PINDAAN KE ATAS PERUNTUKAN KANUN KESEKSAAN (AKTA 574) DAN AKTA KETERANGAN 1950

Suruhanjaya mengesyorkan Kerajaan melalui Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Jabatan Peguam Negara (AGC) supaya meminda peruntukan Kanun Keseksaan (Akta 574) dan Akta Keterangan 1950 bagi memasukkan peruntukan anggapan atau *presumption* yang meletakkan beban bukti ke atas pegawai dan anggota yang mempunyai hak jagaan ke atas orang tahanan sebagai bertanggungjawab ke atas sebarang kecederaan atau kematian yang dialami oleh orang tahanan sehingga dibuktikan sebaliknya.

Pengulangan kejadian-kejadian kecederaan dan kematian orang tahanan dalam lokap akibat penggunaan kekerasan adalah **SATU PELANGGARAN UNDANG-UNDANG DAN INTEGRITI YANG AMAT DIKESALI**. EAIC menyeru segala perakuan dan syor-syor di dalam laporan ini diberikan perhatian yang serius dan tindakan segera diambil oleh semua pihak, terutamanya PDRM bagi mencegah pengulangan kejadian sebegini di masa hadapan.



**SURUHANJAYA INTEGRITI AGENSI PENGUATKUASAAN**  
**ARAS 5, BLOK MENARA, BANGUNAN MENARA USAHAWAN**  
**PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2**  
**62652 PUTRAJAYA, MALAYSIA**  
Tel: 03-8888 1904 / No. Faks: 03-8888 6526



LAMAN WEB: [www.eaic.gov.my](http://www.eaic.gov.my)

Untuk mendapatkan laporan penuh siasatan ini orang awam boleh memuat turun melalui laman sesawang EAIC [www.eaic.gov.my](http://www.eaic.gov.my).

**-TAMAT-**

**DATUK YAACOB BIN HAJI MD. SAM**

Pengerusi

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC)

28 April 2016